

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah itu DuitNow QR ?	DuitNow QR ialah kaedah pembayaran / pindahan tanpa tunai dalam aplikasi HELOCBP yang membolehkan pengguna membuat pembayaran / pindahan dana secara segera melalui kod QR dua dimensi menggunakan kod DuitNow QR , yang juga dikenali sebagai Kod QR Kebangsaan Malaysia.
2	Bagaimana cara untuk aktifkan DuitNow QR ?	Berikut adalah langkah-langkah pengaktifan DuitNow QR : 1. Log masuk Aplikasi HELOCBP. 2. Klik "DuitNow QR". 3. Klik butang "Proceed". 4. Tetapkan pilihan "DuitNow QR Pay Quick Limit". Pelanggan boleh memilih untuk membuat tetapan asal bagi fungsi ini iaitu sebanyak RM 250.00 dengan mengetik butang "Reset to Default Limit" atau menetapkan pilihan antara RM 1.00 sehingga RM 1,000.00. 5. Klik akaun pilihan yang akan digunakan bagi DuitNow QR. 6. Klik butang "Submit". 7. Sahkan transaksi melalui aplikasi HELOCBP "<i>Approve / Reject</i>".
3	Apakah itu DuitNow QR Pay Quick Limit ?	DuitNow QR Pay Quick Limit adalah suatu fungsi yang membenarkan anda melakukan transaksi QR DuitNow beserta amaun di dalam had tetapan anda dengan segera tanpa perlu pengesahan lanjut. Sekiranya amaun transaksi QR DuitNow anda melebihi Had Segera Bayaran, pengesahan lanjut diperlukan bagi tujuan keselamatan.
4	Apakah fungsi DuitNow QR yang ada dalam aplikasi HELOCBP ?	Fungsi DuitNow QR yang ada dalam aplikasi HELOCBP adalah seperti berikut: • Imbas Kod QR – untuk membuat pembayaran /pindahan dana. • Paparan / Jana Kod QR – untuk terima dana daripada orang lain.

5	Apakah had transaksi harian untuk DuitNow QR ?	Had maksimum transaksi harian ini dikongsi bersama antara DuitNow Transfer dan DuitNow QR iaitu sebanyak RM 50,000.00.
6	Siapakah yang boleh menggunakan DuitNow QR ?	Semua pengguna HELOCBP yang baru dan sedia ada. Pastikan aplikasi HELOCBP dikemas kini ke versi terkini.
7	Bagimanakah cara untuk menukar had pembayaran DuitNow QR Pay Quick Limit ?	Cara untuk menukar had pembayaran DuitNow QR adalah seperti berikut: 1. Log masuk laman sesawang www.helocbp.com.my 2. Klik "Setting". 3. Klik "<i>Transaction Limit Maintenance</i>". 4. Masukkan DuitNow QR Pay Quick Limit yang dikehendaki. 5. Klik "<i>Change</i>". 6. Sahkan transaksi melalui Aplikasi HELOCBP "<i>Approve / Reject</i>".
8	Apakah akaun yang boleh digunakan untuk DuitNow QR ?	Hanya Akaun Semasa dan Simpanan sahaja. Pengguna perlu memilih akaun klicka kali pertama menggunakan fungsi DuitNow QR .
9	Bagaimanakah cara untuk menukar akaun debit DuitNow QR ?	Cara menukar akaun debit DuitNow QR adalah seperti berikut: 1. Log masuk Aplikasi HELOCBP. 2. Klik "DuitNow QR". 3. Klik "<i>Receive</i>". 4. Klik ikon "<i>Modify</i>". 5. Pilih akaun yang dikehendaki. 6. Klik "<i>Submit</i>". 7. Sahkan transaksi melalui Aplikasi HELOCBP "<i>Approve / Reject</i>"
10	Apakah ciri keselamatan yang terdapat pada DuitNow QR ?	Ciri keselamatan DuitNow QR adalah seperti berikut: • Had tetapan asal / <i>default limit</i> iaitu RM 250.00. • Transaksi yang melebihi RM 1,000.00 memerlukan pengesahan tambahan iaitu pelanggan dikehendaki memasukkan kata laluan. • Pengesahan diperlukan untuk setiap transaksi melalui Aplikasi HELOCBP.

11	Bolehkah saya mengimbas DuitNow QR melebihi had maksimum <i>QR Pay Quick Limit</i> yang telah ditetapkan?	Pelanggan boleh mengimbas DuitNow QR melebihi had maksimum <i>QR Pay Quick Limit</i> yang telah ditetapkan dengan memasukkan kata laluan (sehingga RM 50,000.00).
12	Apakah jenis kod QR yang tersedia untuk diimbas?	Jenis kod QR yang tersedia untuk diimbas adalah seperti berikut: • Kod QR Dinamik – Termasuk amaun & maklumat akaun penerima. • Kod QR Statik – Hanya maklumat akaun penerima, amaun perlu dimasukkan secara manual.
13	Bagaimana cara menyemak status pembayaran DuitNow QR ?	Status akan dipaparkan di skrin selepas pembayaran. Transaksi boleh disemak di menu Sejarah Transaksi pada aplikasi HELOCBP atau laman sesawang HELOCBP .
14	Berapakah cas yang dikenakan apabila pelanggan melakukan pembayaran / pindahan dana DuitNow QR ?	Cas yang dikenakan adalah seperti berikut: • Pindahan bagi setiap transaksi RM 4,999.99 dan kurang dari itu: Tiada cas. • Pindahan bagi setiap transaksi RM 5,000.00 dan ke atas: RM 0.50.
15	Mengapakah transaksi DuitNow QR saya tidak Berjaya?	Transaksi DuitNow QR saya tidak berjaya disebabkan perkara berikut: • Kod QR sudah tidak sah disebabkan tamat tempoh masa. • Baki akaun tidak mencukupi. • Capaian internet yang tidak baik.
16	Apakah Langkah-langkah keselamatan yang boleh dilakukan oleh pelanggan sebelum mengesahkan transaksi DuitNow QR ?	Langkah-langkah keselamatan yang boleh dilakukan sebelum pelanggan mengesahkan transaksi adalah seperti berikut: • Semak jumlah dana yang dibayar /dipindahkan. • Semak dan pastikan maklumat penerima dana adalah pihak yang betul.
17	Dimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan DuitNow QR ?	Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan cara dibawah:

		• Melayari laman sesawang korporat CBP di www.cbp.com.my. • Menghubungi CBP pada talian 1-300-88-7650.
--	--	--